



**KENYATAAN AKHBAR
MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN DAN
PENYAMPAIAN DERMA KEPADA ANAK-ANAK YATIM
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN SERTA
JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA BAGI TAHUN 1442H / 2021M**

**Hari Khamis, 23 Ramadhan 1442H / 6 Mei 2021M
Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta Jabatan-Jabatan di bawahnya pada pagi tadi telah mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Penyampaian Derma Kepada Anak-Anak Yatim Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya bagi Tahun 1442H / 2021M, bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber- Sumber Utama dan Pelancongan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir di majlis berkenaan ialah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-Ketua Jabatan; pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan ceramah khas bertajuk 'Al-Quran Asas dan Pemangkin Pembangunan Negara' yang disampaikan oleh Yang Mulia Imam Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin, Pegawai Hal Ehwal Masjid, penceramah undangan dari Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis diteruskan dengan acara penyampaian derma kepada anak-anak yatim seramai 56 orang yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat yang juga dibacakan oleh Yang Mulia Imam Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Majlis seumpama ini merupakan salah satu daripada aktiviti-aktiviti keagamaan tahunan yang diungtkayahkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sempena menyambut bulan Ramadhan. Di samping bagi memohon keberkatan dan mendapatkan ganjaran pahala yang sebanyaknya dibulan yang mubarak ini, majlis ini juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan silatulahim diantara para pegawai dan kakitangan serta menunjukkan sifat keperihatinan kepada golongan anak-anak yatim di kalangan pegawai dan kakitangan di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya. Majlis pada tahun ini dikendalikan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:
Unit Perhubungan Awam
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam